

# Malaysia perlu lebih 60 juta ayam sebulan

Berita Harian 24/1/2022 Page 3

Turun, naik  
bekalan tak jejas  
permintaan  
pasaran tempatan

Oleh Suzalina Halid  
dan Fahmy A Rosli  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Negara memerlukan lebih 60 juta ekor ayam pedaging setiap sebulan, kata Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Datuk Dr Norlizan Mohd Noor.

Beliau berkata, Malaysia antara negara pengguna daging ayam tertinggi dunia dan pihaknya perlu memastikan sekurang-sekurangnya dua juta ekor ayam sehari untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan.

Bagaimanapun, katanya, pengeluaran ayam di negara ini tidak menentu dan berubah setiap bulan disebabkan beberapa faktor seperti jumlah bekalan anak ayam sehari, cuaca serta penawaran dan permintaan sumber protein itu.



Ayam segar dijual RM9 sekilogram di Pasar Chow Kit, Jalan Raja Bot, Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Azhar Ramli/BH)

“Kalau kita lihat keperluan ayam di Malaysia dalam 62 juta ekor sebulan. Pengeluaran ayam memang turun naik setiap bulan mengikut bekalan anak ayam sehari, cuaca serta permintaan dan penawaran.

“Tetapi turun naiknya bekalan ayam dari semasa ke semasa tidaklah melangkaui had keperluan rakyat Malaysia.

“Kalau diikutkan kita perlu

kan sekurang-kurangnya dua juta ekor ayam sehari untuk rakyat Malaysia. Banyak.

“Kita antara pengguna ayam tertinggi. Kalau kita kira berdasarkan perkapita, lebih kurang seorang (penduduk) makan 50 kilogram ayam setahun.

“Jadi kita kena ada dan keluarkan sekurang-kurangnya dua juta ekor ayam. Kalau berlaku kekurangan (bekalan ayam) kena

cari alternatif lain (termasuk import),” katanya kepada BH.

Ditanya mengapa kerajaan memutuskan untuk mengimport bekalan ayam bulat dari Thailand dan China, Dr Norlizan menjelaskan ia disebabkan berlaku kekurangan sumber protein berkenaan sejak Oktober dan November tahun lalu.

Pada tempoh dua bulan itu, katanya, berlaku penurunan beka-

## Pengeluaran Ayam Tahun 2021

Bulan	Jumlah pengeluaran (ekor)
Januari	65,128,261
Februari	63,532,183
Mac	60,531,815
April	76,166,607
Mei	62,044,618
Jun	62,382,124
Julai	76,994,699
Ogos	57,125,324
September	67,033,787
Oktober	52,052,579
November	51,438,198
Disember (unjuran)	61,189,868
<b>JUMLAH</b>	<b>755,620,063</b>

lan ayam tempatan sehingga di bawah had pengeluaran.

“Maknanya penawaran lebih rendah daripada permintaan sehingga (bekalan) kurang daripada 62 juta ekor. Kalau kita lihat carta pengeluaran ayam tahun lalu, pada Oktober, November dan Disember ia (bekalan) jatuh bawah 62 juta ekor.

“Secara purata kalau buat pengiraan penawaran dan permintaan, kita ada kekurangan 10,000 tan sebulan.

“Berdasarkan jumlah inilah yang kita sudah memberikan kelulusan untuk mengimport ayam bulat.

“Satu bertujuan untuk meningkatkan atau melambatkan bekalan ayam bulat di pasaran tempatan termasuk di pasar borong, pasar basah dan kedai runcit. Keduanya, ia dapat menstabilkan harga,” katanya.